

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
PROGRAM MAJLIS PENUTUP IHYA RAMADAN
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**21 MAC 2025 | JUMAAT | 5.00 PETANG
SURAU IBNU SINA
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Tuan Haji Taufik Afendy Othman

Pengarah Urusan

TRIpIc Berhad

Ustazah Hafizatulakmal Abdul Jalil

Ketua Bahagian Pendaftaran Muallaf &

Pembangunan PIBK, Majlis Agama Islam Selangor

Al-Fadhil Ustaz Aimanuddin Wafiy Roslan

Pemangku Pengurus

Masjid Puncak Alam

**YBrs. Encik Muhammad Shukri Mohamad Zainal
Abidin**

Nazir Masjid Felda Bukit Cherakah

YBrs Tuan Haji Mohd Hanif Md Sultan

Pengerusi

Permuaafakatan Persatuan Penduduk Puncak Alam

**YBrs YM Tengku Zahrul Hisham bin Che Ku
Abdul Rahman**

Wakil Rumpun Positif Sdn. Bhd

YBrs. Encik Aznan Yahya

Pengarah Segimaju Capital Sdn. Bhd.

Barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)

UiTM Cawangan Selangor

Barisan Dekan dan Timbalan Dekan Fakulti

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar

Yang diraikan, para penerima sumbangan bakul syawal dan kotak fidyah

Warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun bersama-sama pada hari yang penuh barakah ini bagi menjayakan **Majlis Penutup Ihya Ramadan UiTM Cawangan Selangor 2025.**
2. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Penghulu segala Rasul, pembawa rahmat sekalian alam.

3. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua tetamu jemputan dan warga UiTM Cawangan Selangor yang hadir pada petang ini.
4. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) atas penganjuran program pada hari ini dengan melibatkan sinergi daripada pelbagai pihak.

Hadirin yang saya hormati,

5. Kita maklum bahawa bulan Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan, yang mendidik jiwa serta memperkukuhkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah SWT.
6. Sepanjang bulan yang mulia ini, UiTM Cawangan Selangor melalui Unit Hal Ehwal Islam telah menganjurkan pelbagai aktiviti antaranya **Majlis**

Berbuka Puasa, Rewang Bubur Lambuk, Tadarus Al-Quran dan banyak lagi.

7. Saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada barisan jawatankuasa atas usaha yang telah dilakukan sepanjang Ramadan ini.
8. Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung sebentar tadi juga bukan sekadar satu acara simbolik, tetapi ia mencerminkan keazaman kita untuk mendekatkan diri kepada Al-Quran sebagai panduan hidup.
9. Saya amat berbangga dengan penyertaan dan komitmen semua peserta dalam program ini yang telah menunjukkan kesungguhan dalam memanfaatkan bulan Ramadan dengan sebaiknya tanpa mengabaikan kerja hakiki.

Hadirin yang dihormati,

10. Islam amat menekankan sifat keprihatinan, kasih sayang, dan solidariti dalam kalangan umatnya.
11. Justeru, UiTM Cawangan Selangor telah mengambil inisiatif menjalinkan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan TRlplc bagi menyerahkan sumbangan Fidyah dan Bakul Syawal kepada staf UCS yang layak.
12. Saya amat berbesar hati dan berterima kasih kepada MAIS dan TRlplc atas sumbangan yang telah diberikan.
13. Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban mereka yang memerlukan serta membawa keceriaan dalam menyambut Aidilfitri – insyaAllah.
14. Pihak pengurusan UCS juga amat berbesar hati untuk meraikan warga dan tetamu jemputan pada jamuan Iftar Perdana UCS pada hari ini.

15. Sekalung penghargaan sekali lagi diucapkan kepada rakan strategik kami TRIplc, Majlis Agama Islam Selangor, Masjid Puncak Alam, Masjid Felda Bukit Cerakah dan juga Permuafakatan Persatuan Penduduk Puncak Alam atas kesudian untuk bersama pada hari ini.

Hadirin yang dikasihi,

16. Sesungguhnya, semangat Ramadan ini, tidak seharusnya terhenti dengan berlalunya bulan yang penuh barakah ini.

17. Sebaliknya, ia perlu diteruskan dalam kehidupan seharian kita dengan memperkukuh nilai-nilai ihsan, amanah, dan tanggungjawab dalam setiap perkara yang kita lakukan.

18. Marilah kita sama-sama menjadikan Ramadan sebagai titik perubahan untuk menjadi insan yang

lebih baik, bersifat sabar, syukur, dan dan bertambah ketakwaan kepada Allah SWT.

19. Semangat Ramadan ini tidak seharusnya terhenti dengan berlalunya Syawal.

20. Sebaliknya, kita digalakkan untuk meneruskan amal ibadah, termasuklah dengan berpuasa enam hari di bulan Syawal, sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW.

21. Sebelum mengakhiri ucapan, saya juga ingin menyeru kepada warga UCS agar terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berimpak serta memperkukuhkan semangat #kebersamaan seperti yang disarankan oleh YBhg. Datuk Naib Canselor.

22. Sekali lagi jutaan tahniah diucapkan kepada Unit Hal Ehwal Islam diatas penganjuran program ini.

23. Terima kasih kepada semua yang terlibat -
Semoga segala usaha dan pengorbanan yang
dilakukan diganjar dengan sebaik-baik ganjaran di
sisi Allah SWT.

Pohon jambu pohon mengkudu,
Dahan dipotong dibuat ampaian,
Ramadan berlalu pasti dirindu,
Syawal diraih penuh kesyukuran.

24. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim,
saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis
Penutup Ihya Ramadan UiTM Cawangan
Selangor 2025M**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**